

Manuscript received date:
Manuscript acceptance date: 8th November 2017
Manuscript publication date: 15th December 2017

Interaksi Sosial Dan Peraturan Islam Dalam Surat Undang-Undang¹

[Social Interaction and Islamic Rulings in *Surat Undang-Undang*]

Roslina Abu Bakar

Malay Language Department, Faculty of Modern Language & Communication, Universiti Putra Malaysia
(UPM), Serdang Selangor Serdang Selangor 43400
Malaysia

Email: lynabubakar@upm.edu.my

Abstrak

Objek penelitian ini mengenai interaksi sosial dan peraturan Islam dalam Surat Undang-Undang. Undang-undang Islam merupakan teras keperibadian masyarakat Melayu yang terdiri daripada golongan pemerintah (raja), para pembesar, dan rakyat. Surat Undang-Undang merupakan manuskrip Melayu yang tersimpan di Koleksi Istimewa, perpustakaan Universiti Leiden. Manuskrip ini memuatkan dua puluh empat fasil yang menggambarkan adat dan peraturan yang perlu menjadi panduan dalam kalangan masyarakat Melayu tradisional. Justeru, penulisan ini berfokus kepada hal-hal yang bersangkutan dengan peraturan dan undang-undang untuk disuai padankan dengan konteks syariah dan ajaran Islam. Kajian ini dilakukan untuk membuktikan bahawa Surat Undang-undang sarat dengan nilai, etika sosial, budaya dan peraturan yang berlandaskan Islam. Menerusi interaksi sosial, Surat Undang-undang merupakan perantara untuk menyampaikan nilai-nilai dan dasar keagamaan dalam kalangan masyarakat Melayu yang pada ketika itu baharu sahaja menganut nilai, etika sosial, budaya dan agama Islam. Golongan pemerintah dalam komuniti minoriti berusaha membangun harmonisasi hubungan sosial kemasyarakatan dengan golongan rakyat sebagai komuniti majoriti. Justeru, interaksi sosial antara lapisan masyarakat iaitu golongan pemerintah, pembesar dan rakyat akan diperhalusi menerusi kaedah analisis kandungan dengan menggunakan pendekatan Islam. Kajian ini mempunyai dua objektif iaitu mengenal pasti peraturan dan undang-undang Islam yang termuat dalam Surat Undang-Undang. Keduanya, menganalisis peraturan dan undang-undang Islam dalam Surat Undang-Undang berlandaskan konsep interaksi sosial. Oleh itu, kajian ini mampu memperlihatkan kaedah masyarakat tradisional berinteraksi, gambaran harmonisasi hubungan antara golongan pemerintah, pembesar dan rakyat sebagai integrasi bangsa dan merujuk kepada al-Quran dan hadis.

Kata Kunci: Interaksi Sosial, Undang-undang, Peraturan, Melayu

Abstract

The object of this research is about the social interaction and the Islamic law in the Surat Undang-Undang. Islamic law is the core which is the core of the personality of the Malay community Malays consisting of rulers, kings, rulers, and people. Surat Undang-Undang is kept in the Special Collection, Leiden University

¹ Surat Undang-Undang (Cod.Or. 3376) disalin oleh Enci' Ismail bin Datuk Kerkun pada 4 Rabiulakhir 1263/21 Mac 1847 di Pulau Penyengat, Riau.

Library. Surat Undang-Undang contained twenty-four clauses that describe the customs and rules that should be guide in Malay traditional societies. However, this writing is focuses to the regulations and laws into the context of Islamic rules. This study was conducted to prove that the Surat Undang-Undang are full of Islamic values, social ethics, culture and rules. Through social interaction, Surat Undang-Undang is the intermediary for conveying religious values and policies among the Malay community who at that time had just embraced Islamic values, ethics, culture and religion. Thus, social interaction between society, the ruler, the people and the people will be refined through the content analysis method by applying the Islamic approach as the basis of this research. This research has two objectives, firstly is to identify the rules and Islamic law contained in the Surat Undang-Undang. Secondly, to analyze the Islamic rules and laws in the Surat Undang-Undang based on the concept of social interaction. Thus, this study were able to demonstrate the process of social interaction among the Malay traditional society, the harmonization of the relationship between the ruling class, the ruler and the rulership of the nation's integration regarding to the al-Quran and Hadith.

Keywords: Social Interaction, Laws, Regulations, Malay, Manuscript

Prawacana

“Dan tidaklah harus bagi orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan apabila Allah dan rasulnya menetapkan keputusan bagi sesuatu perkara mempunyai hak memilih ketetapan sendiri mengenai urusan mereka. Dan sesiapa yang tidak taat kepada hukum Allah dan rasulnya, maka sesungguhnya ia sesat dengan kesesatan yang jelas nyata”. (Al-Ahzab: ayat 36)

Al-Quran itu sewajarnya dijadikan kitab petunjuk dan digunakan sebagai rujukan untuk penentuan hukum. Kenyataan tersebut sebagaimana menurut Haron Din (2007: 71), sebarang kelemahan umat Islam yang terdapat pada hari ini dalam menetapkan sesuatu hukum atau sesuatu panduan berdasarkan Quran, adalah berpuncu daripada manusia itu menjauhkan diri daripada Quran. Mereka tidak mendampingi Quran sebagai kitab petunjuk, malah mereka tidak mempergunakan sebagai tempat rujukan untuk penentuan hukum.

Surat Undang-Undang jelas memperlihatkan interaksi sosial yang terbentuk atas beberapa faktor. Antaranya, tindakan sosial yang dilaksanakan dengan memperhitungkan kesesuaian antara cara dan tujuan. Fenomena tersebut direncanakan dan disampaikan secara tersurat dan tersirat serta berpandu kepada nilai-nilai dan dasar keagamaan dalam kalangan masyarakat Melayu yang pada ketika itu baharu sahaja menganuti nilai, etika sosial, budaya dan agama Islam. Jelas bahawa Surat Undang-Undang disesuaikan dengan kontak sosial masyarakat Melayu tradisional pada zaman ia dikarang. Kenyataan tersebut sebagaimana pendapat Abdul Syukur Ibrahim dan Lilik Wahyuni

(2010:21) yang menyatakan bahawa terdapat beberapa hal yang mendorong terjadi interaksi sosial. Interaksi sosial tidak tetapi begitu saja, tetapi ia terbentuk oleh beberapa faktor. Faktorfaktor tersebut adalah tindakan sosial, kontak sosial dan komunikasi sosial.

Kajian ini memberi penekanan kepada hal-hal yang bersangkutan dengan peraturan dan undang-undang untuk disuai padankan dengan konteks syariah dan ajaran Islam. Menurut Abd. Jalil Borham (2002:59), bahasa Rasulullah SAW dengan perintah Allah menyeru mereka membuang dan menghapuskan adat dan kelaziman yang salah dan karut yang mereka pusakai daripada nenek moyang; seperti bunuh membunuh, zina, membunuh atau menanam anak perempuan hidup-hidup dan lain-lain cara hidup yang bertentangan dengan nilai-nilai Islam. Mereka diajar berakhlaq mulia seperti keadilan, kesetiaan, timbang-rasa, tolong-menolong dalam perkara kebajikan dan mencegah daripada melakukan keburukan dan dosa.

Bertolak daripada kenyataan tersebut, kajian ini dilakukan untuk membuktikan bahawa cara hidup yang bertentangan dengan nilai-nilai Islam telah ditegah dan undang-undang Islam turut dilaksanakan sejak zaman tradisional ketika masyarakatnya baharu sahaja memeluk agama Islam. Kenyataan tersebut digambarkan menerusi Surat Undang-undang yang sarat dengan nilai, etika sosial, budaya dan peraturan berlandaskan Islam, membangun kerukunan umat beragama sebagai teras kehidupan masyarakat Melayu. Menerusi proses interaksi sosial, Surat Undang-undang

merupakan perantara untuk menyampaikan nilai-nilai dan dasar keagamaan dalam kalangan masyarakat Melayu yang pada ketika itu baharu sahaja menganut nilai, etika sosial, budaya dan agama Islam. Golongan pemerintah dalam komuniti minoriti berusaha membangun harmonisasi hubungan sosial kemasyarakatan dengan golongan rakyat sebagai komuniti majoriti. Justeru, menerusi kajian ini, interaksi sosial antara lapisan masyarakat iaitu golongan pemerintah, pembesar dan rakyat akan diperhalusi menerusi kaedah analisis kandungan dengan menggunakan pendekatan Islam sebagai landasan kajian. Kajian ini mempunyai dua objektif iaitu mengenal pasti peraturan dan undang-undang Islam yang termuat dalam Surat Undang-Undang. Keduanya, menganalisis peraturan dan undang-undang Islam dalam Surat Undang-Undang berlandaskan konsep interaksi sosial.

Sumber primer kajian iaitu Surat Undang-Undang termuat dua puluh empat fasil yang menggambarkan adat dan peraturan yang menjadi panduan dalam kalangan masyarakat tradisional pada zaman naskhah tersebut dihasilkan. Namun demikian, penulisan ini hanya berfokus kepada hal-hal yang bersangkutan mengenai peraturan dan undang-undang sahaja yang disuai padankan dengan pendekatan Islam. Keistimewaan manuskrip Melayu ini terlihat pada kaedah masyarakat tradisional berinteraksi, gambaran harmonisasi hubungan antara golongan pemerintah, pembesar dan rakyat sebagai integrasi bangsa dan berpaksi al-Quran dan hadis. Pemaparan interaksi sosial antara lapisan masyarakat yang digambarkan menerusi Surat Undang-Undang berupaya dijadikan teladan kepada segenap lapisan masyarakat masa lalu, masa kini dan masa akan datang. Kenyataan tersebut bertepatan dengan ciri-ciri interaksi sosial yang dikemukakan oleh Herimanto dan Winarno (2009: 53) iaitu:

- i) Jumlah pelaku dua orang atau lebih;
- ii) Adanya komunikasi antara pelaku dengan menggunakan simbol atau lambing;
- iii) Adanya suatu dimensi waktu meliputi masa lalu, masa kini dan masa yang akan datang;
- iv) Adanya tujuan yang hendak dicapai sebagai hasil dari interaksi tersebut.

Menurut Kamus Dewan (1993:457), interaksi membawa maksud berhubung atau perhubungan aktif satu sama lain dengan kata lain perhubungan antara individu atau antara sesebuah kelompok masyarakat. Kenyataan ini sebagaimana menurut Amir Luthfi (1986:13) yang menyatakan bahawa interaksi sosial adalah suatu hubungan timbal balik antara dua orang atau lebih. Timbal balik tersebut berlaku apabila tingkah laku satu pihak mempengaruhi pihak lain. Hal ini menyangkut hubungan antara individu dengan individu, antara individu dengan kelompok, dan antara kelompok dengan kelompok. Interaksi sosial turut merupakan bentuk umum dari proses-proses sosial. Dalam kehidupan bermasyarakat, interaksi sosial tersebut dapat terjadi dalam bentuk kerjasama (cooperation), persaingan (competition), dan permusuhan (conflict). Kenyataan tersebut sebagaimana pendapat Soerjono Soekanto (1977:20) iaitu interaksi sosial adalah hubungan-hubungan sosial yang bersifat dinamis, yang saling berhubung antara individu, antara kelompok-kelompok manusia, mahu pun antara individu dengan kelompok manusia. Kenyataan beliau disokong oleh Supriadi (1993:153) yang berpendapat bahawa interaksi sosial bererti mempelajari suatu sistem sosial. Mempelajari suatu sistem sosial itu bermaksud mempelajari aktiviti manusia yang berinteraksi dan berhubungan satu sama lain dengan suatu pola tertentu yang berdasarkan sikap, nilai dan harapan. Kenyataan tersebut sebagaimana pendapat Roslina Abu Bakar (2014:7), proses interaksi adalah aktiviti yang dilakukan antara sesama individu dalam kehidupan seharian untuk memenuhi kehendak sosial dan psikologi.

Hubungan-hubungan sosial yang diperlihatkan menerusi Surat Undang-Undang meggambarkan sistem sosial masyarakat tradisional yang mengamalkan pelbagai peraturan Islam. Pelbagai pesanan dan peraturan Islam yang diperturunkan oleh Sultan Muhammad Shah Zalla'llah Fil'-Alam iaitu sultan Melaka yang baharu memeluk agama Islam membawa pelbagai pelajaran dalam kalangan masyarakat. Rasionalnya, kajian ini mampu membuktikan bahawa Surat Undang-undang sarat dengan nilai, etika sosial, budaya dan peraturan yang berlandaskan Islam. Islam pula tidak pernah berubah sejak zaman tradisional sehingga kini, membangun kerukunan umat beragama dan teras kehidupan masyarakat Melayu. Kerelevannya

diperlihatkan menerusi kandungan Surat Undang-Undang yang mampu mengajar masyarakat agar mengamalkan ‘amar maaruf nahi mungkar’, menyuruh kepada kebaikan dan mencegah kejahanan sebagaimana sabda Rasulullah SAW dengan perintah Allah yang menyeru membuang dan menghapuskan adat dan kelaziman yang salah dan karut yang dipusakai daripada nenek moyang. Kandungan Surat Undang-Undang sebagai peringatan kepada masyarakat antara lapisan bahawa setiap perbuatan yang bersalahan itu akan diadili berlandaskan peraturan Islam malah tidak akan terlepas daripada hukuman setimpal di dunia dan akhirat kelak.

Surat Undang-Undang

Surat Undang-Undang terkandung proses interaksi sosial di mana penulisannya mempunyai sesuatu tujuan untuk mengajar dan memberi panduan masyarakat pada era tersebut serta generasi kemudiannya. Manuskip Melayu ini ditulis menggunakan bahasa Melayu dalam tulisan Jawi dan mempunyai ukuran 20.5 x 16 cm, mempunyai 21 halaman, ditulis dengan dakwat hitam di atas lembaran kertas yang ditenun nipis. Penyalin manuskip ini iaitu Enci' Ismail bin Datuk Kerkun selesai menyalin Surat Undang-Undang pada tarikh 4 Rabiulawal 1263 bersamaan 21hb Mac 1847 di Pulau Penyengat, Riau. Kandungannya merupakan adat dan peraturan yang diwariskan secara turun-temurun sebagaimana tercatat pada halaman 21 berikut:

“Adat Toeron Temoeron darri paadda zaman doeli Sulthan Iskandar syah.

(Surat Undang-Undang: 21)

Berdasarkan petikan tersebut, proses interaksi sosial tersebut diperlihatkan menerusi peraturan dan adat yang ditentukan oleh Sultan Muhammad Shah Zalla'llah Fil'-Alam laludiperturunkan kepada antara lapisan masyarakat sebagai panduan dalam menjalani kehidupan sehari-hari. Surat Undang-Undang mempunyai ciri-ciri yang mengkelaskan ia ke dalam bahan sastera Melayu Tradisional, memaparkan aktiviti sosial, budaya dan tamadun bangsa Melayu pada zaman tradisional. Kenyataan tersebut selari dengan pendapat Ding Choo Ming (2003: 17) iaitu sastera Melayu yang ditulis dalam bahasa Melayu merupakan pengucapan peradaban

Dunia Melayu, daerah pertembungan pelbagai budaya dan tamadun.

Berdasarkan kandungan tulisan penyalinnya, manuskip Melayu tersebut dihasilkan di istana dan membawa persoalan akan kepentingan golongan pemerintah. Kenyataan tersebut sebagaimana menurut Ishak bin Saad (2005:43) yang menyatakan bahawa tiada siapa dapat menafikan bahawa karya-karya bertulis tradisional itu adalah terhasil dari istana. Namun demikian, adalah tidak wajar untuk mengatakan bahawa kandungan karya-karya berkenaan secara keseluruhan menyampaikan kepentingan kelas pemerintah sahaja. Sebagai sebuah karya, apakah lagi karya yang dianggap klasik, ia sudah tentu mengandungi sesuatu yang berkaitan dengan milik orang ramai, iaitu merentasi kepentingan golongan pemerintah dan juga golongan yang diperintah. Sesuai dengan kemunculan karya-karya tersebut di zaman tradisi, sudah pasti ia menggambarkan penghidupan masyarakat Melayu tradisional.

Lantaran itu, Surat Undang-Undang sarat dengan adat serta peraturan yang perlu diamalkan dalam kehidupan pelbagai lapisan masyarakat. Di dalamnya terkandung fenomena sosial yang dikomunikasikan kepada para pembaca sebagai proses sosial. Menurut Umar Junus (1988:65), adalah suatu hakikat yang tidak dapat ditolak bahawa karya sastera adalah suatu fenomena sosial. Hal ini dapat terlihat pada bagaimana proses menghasilkan suatu karya sastera, sesuatu yang berhubungan dengan penghasilan karya sastera. Atau juga dapat terlihat pada hasil itu sendiri, tentang apa yang dikemukakan di dalamnya. Jadi sesuatu yang berhubungan dengan karya itu sendiri. Atau mungkin juga berhubungan bagaimana orang menerima, kerana ia berhubungan dengan sosial, mengkomunikasikan sesuatu kepada “orang lain” yang tidak pernah pasti jumlahnya.

Surat Undang-Undang menggambarkan kontak sosial masyarakat Melayu yang beragama Islam pada zaman tradisional. Keistimewaan ilmu dan peraturan Islam yang terkandung di dalamnya dapat dijadikan unsur pelajaran dan teladan dalam kehidupan nyata masyarakat Melayu khasnya. Budaya, tamadun, adat turun-temurun dan undang-undang Islam berlandaskan syariah Islam diperturunkan oleh Sultan Mahmud Syah Zalla'llah Fil'-Alam sebagai dasar keyakinan, keperibadian,

panduan dan amalan kepada antara lapisan masyarakat.Justeru, Surat Undang-Undang sebagai kontak sosial sekunder berupaya memperteguh keimanan dan akidah, mengatur kehidupan manusia ke arah perlakuan yang sempurna berlandaskan ajaran Islam.Menurut Ismail Noor dan Muhammad Azaham (2000: 49), bangsa Melayu tradisional merupakan bangsa yang sopan santun dan penuh dengan kelembutan dan kaya dengan sifat ketimurannya, serta pembentukan seni, budi pekerti dan peradaban telah bermula semenjak zaman empayar Melayu di Melaka. Mereka terkenal dengan sifat kehalusan dan kecantikan budaya yang meliputi bahasa, sastera, adat resam dan tatasusila.Ini semua berkembang sebagai nilai-nilai murni yang disanjung oleh masyarakat turun-temurun.

Surat Undang-Undang sebagai kontak sosial sekunder memperlihatkan kedudukan sultan sebagai golongan tertinggi dalam stratifikasi sosial dan mempunyai pengaruh yang kental dalam kalangan masyarakat Melayu.Sebagai pemerintah yang baharu memeluk Islam, segala perintah dan peraturan Islam berlandaskan sabda Rasulullah SAW dengan perintah Allah perlu diikuti oleh rakyat jelata yang berbangsa Melayu dan beragama Islam.Kenyataan tersebut selari dengan pendapat Ishak bin Saad (2005:16) yang menyatakan bahawa apabila raja menerima Islam maka seluruh rakyatnya akan turut serta menerima Islam.Fenomena ini turut membantu penerimaan peradaban Islam dalam budaya Melayu.Hubungan Melayu dengan Islam telah begitu sebat, malah sebenarnya Islamlah yang menerasi keperibadian Melayu, mendasari ‘worldview’ Melayu dan seterusnya membentuk etos dan citarasa Melayu.Hakikat pergantungan Melayu terhadap Islam amat penting.Sesungguhnya Melayu dengan Islam umpama sebuah sinonim yang tidak mampu dipisahkan.

Interaksi Sosial dalam Surat Undang-Undang

Menurut Abdul Syukur Ibrahim dan Lilik Wahyuni (2010:17), interaksi sosial dapat diertikan sebagai hubungan-hubungan sosial yang dinamis.Hubungan sosial yang dimaksud dapat berupa hubungan antara individu yang satu dengan individu lainnya, antara kelompok yang satu

dengan kelompok lainnya, mahu pun antara kelompok dengan individu.

Justeru, adat dan peraturan Islam yang di sampaikan oleh Sultan Muhammad Shah Zalla'llah Fil'-Alam kepada pelbagai lapisan masyarakat Melayu yang beragama Islam berfungsi sebagai perantara kontak sosial sekunder. Menurut Herimanto dan Winarno (2009:53), syarat terjadinya interaksi sosial adalah adanya kontak sosial dan komunikasi. Kontak sosial itu bersifat primer dan sekunder. Kontak primer terjadi apabila wujudnya kontak langsung dengan cara berbicara, tersenyum dan sebagainya. Manakala kontak sekunder itu terjadi dengan perantara seperti menerusi surat, perbualan telefon, media elektronik dan sebagainya.

Sebagai kontak sekunder, Surat Undang-Undang merupakan karya ‘Ketatanegaraan’ yang merupakan perantara yang membicarakan tentang tatacara perlantikan raja dan pembesar, syarat dan peraturan pemerintahan, mengenal Tuhan, tentang keadilan, tentang didikan anak-anak dan tentang rakyat. Surat Undang-Undang merupakan sebuah manuskrip Melayu yang sarat dengan hal-hal perundangan Islam, pelbagai adat yang diperlihatkan menerusi dua puluh empat fasal. Manuskrip Melayu tersebut diperturunkan pada zaman Sultan Muhammad Shah Zalla'llah Fil'-Alam (raja pertama yang membuka negeri Melaka dan raja yang pertama memeluk agama Islam). Contoh petikan:

Bismillahirrahmanirrahim wabihinastain

Bermula inilah adat turun temurun daripada zaman Duli Sultan Iskandar Shah yang memerintah segala negeri Melaka. Maka datanglah kepada zaman Sultan Iskandar Shah adalah raja itu anaknya yang pertama menyusuk negeri Melaka yang bergelar Sultan Muhammad Shah Zalla'llah Fil'-Alam. Baginda ialah raja yang pertama masuk ugama Islam yang meletakkan adat perintah segala raja-raja dan segala menteri dengan segala orang besar-besarnya dan meletakkan hukum perintah negeri lalu turun kepada baginda Sultan Muzaffar Shah dan turun kepada baginda Sultan Mansur Shah dan turun kepada putera baginda sultan Alaiddin Riayat Shah dan turun kepada putera baginda sultan Mahmud Shah ialah yang ampunya adat perintah datang sekarang ini maka iaitu akan jadi teladan kita sekarang ini. .

(Surat Undang-Undang: 1)

Pada zaman tersebut, adat dan peraturan berlandaskan Islam diterapkan oleh baginda untuk dipatuhi antara lapisan masyarakat di negeri Melaka. Manakala masyarakat di Melaka ketika itu amat mematuhi suruhan dan panduan yang baginda perturunkan. Kenyataan tersebut sebagaimana pendapat Ishak bin Saad (2005:43), konsep raja berdaulat dalam politik tradisional menggambarkan kedudukan institusi terpenting dan tertinggi. Sehubungan dengan itu, raja sentiasa diletakkan di tempat yang teratas dan sentiasa dimuliakan dengan pelbagai kelebihan yang diberikan.

Jelas bahawa, kelebihan Sultan Muhammad Shah Zalla'llah Fil'-Alam yang baharu sahaja memeluk agama Islam membawa ilmu agama yang menjadi ikutan kepada rakyatnya serta membentuk masyarakat yang harmoni dan sejahtera. Kenyataan tersebut sebagaimana menurut Milner (1982:113), raja bukan sahaja sebagai kunci kepada sebuah institusi kerajaan tetapi raja turut berkaitan rapat dengan hubungan keagamaan. Masyarakat Melayu tradisional percaya berbakti kepada raja akan melimpahkan rahmat dan kehidupan yang lebih selesa di dunia. Malah mereka turut mempercayai bahawa raja mampu memberikan kemewahan dan kesenangan dunia kepada rakyat yang bergelar hamba zaman tersebut.

Interaksi Sosial Antara Lapisan Masyarakat

Muhammad As-Syayid Yusuf Ahmad Durah (2007: 99) menyatakan, berdasarkan al-Quran, Allah SWT menciptakan manusia dengan keragaman bangsa serta suku dan dalam rangka saling kenal mengenal satu sama lain. Kesempurnaan fitrah seseorang boleh dilihat dari mampunya ia berinteraksi dengan sesama manusia. Manusia merupakan makhluk sosial yang tak akan lepas dari sebuah keadaan yang bernama interaksi. Betapa luasnya daratan serta lautan yang membenteng dari timur hingga barat yang sebagainya dihuni oleh manusia dengan ragam peradaban serta adat-istiadat. Bermulanya peradaban suatu masyarakat tentu tidak terlepas dari adanya interaksi sosial yang terjadi di antara manusia, baik di antara anggota masyarakat dalam satu komuniti mahu pun interaksi yang terjadi dengan anggota masyarakat lain di luar komunitinya.

Lanjutan daripada pendapat sarjana yang telah dinyatakan di atas, proses interaksi sosial berupaya menyebarkan nilai ibadah serta nilai-nilai positif dalam kalangan pelbagai lapisan masyarakat sebagaimana yang diperlihatkan menerusi Surat Undang-Undang. Pada akhirnya, interaksi sosial itu dapat membangun semangat keimanan dalam mengajak manusia menuju ke jalan yang direhui Allah SWT. Di samping itu, fenomena tersebut turut menghasilkan rasa kasih sayang, tolong-menolong dalam hal kebaikan serta persaudaraan sehingga meningkatkan kualiti perhambaan kepada Allah SWT dari waktu ke waktu. Contohnya, menerusi Surat Undang-Undang, diperlihatkan hubungan kemasyarakatan, tugas golongan pemerintah serta pembesar yang menyeru kebaikan dalam kalangan pelbagai lapisan masyarakat. Justeru, interaksi sosial antara lapisan masyarakat di bawah pemerintahan Sultan Muhammad Shah Zalla'llah Fil'-Alam berupaya menghasilkan masyarakat Islam yang sentiasa patuh serta menjadikan peraturan berlandaskan Islam sebagai panduan kehidupan ke arah pembentukan akidah dan keimanan yang lebih sempurna. Sewajarnya, peraturan dan hukuman yang berlandaskan ajaran Islam perlu dipatuhi oleh pelbagai lapisan masyarakat Islam kerana ia bersifat adil serta saksama dalam membentuk sebuah masyarakat yang harmoni. Sesungguhnya, setiap hukuman yang diperlihatkan menerusi Surat Undang-Undang disahihkan keadilannya setelah diadili oleh golongan yang benar-benar arif akan hukum Islam atau syariat untuk mengelakkan kemosyikilan. Walaupun Sultan mempunyai kuasa mutlak dalam sistem pentadbiran, namun perlaksanaan interaksi sosial untuk menerapkan undang-undang dan peraturan Islam antara lapisan masyarakat tradisional disahihkan keadilannya. Hal ini demikian, walaupun Sultan sebagai pemerintah tertinggi dan mempunyai kuasa mutlak, namun baginda tidak diberi kuasa mutlak untuk menentukan hukuman dan peraturan Islam tanpa merujuk perundangan Islam. Hal ini demikian kerana dibimbangi akan mentakzirkan hukuman yang tidak berteraskan syariat Islam. Contoh petikan:

Petikan 1:

Fasal yang kedua puluh tiga pada menyatakan adalah yang dipertuan muda itu memangku kerajaan yang dipertuan besar serta melakukan

perintah atas segala menteri. Adapun Bendahara timbalan yang dipertuan muda pada mengaturkan kerajaan iaitu seperti orang yang berjawatan dan mengetahui segala tuan-tuan dan sida-sida dan biduanda hendak mengurniakan nama dan pangkat atas segala atau menteri dan mengajar adab dan tertib atas segala rakyat dan tentera di dalam negeri. Adapun temenggong diperhadirkan di dalam negeri memeriksa segala orang yang benar dan orang yang salah silap menangkap dan memasung orang yang aniaya dan melakukan hukum syariat dan adat yang terpilih daripada kadhi yang telah dimusyawaratkan oleh segala menteri adapun laksamana itu mempertahankan segala kelengkapan raja dan segala kenderaan dan kenaikan dan segala senjata...

(Surat Undang-Undang: 12-13)

Petikan 2:


Fasal yang ketujuh belas pada menyatakan menghukum dan membunuh dan menangkap dan memalu dan merampas antara orang yang berbuat salah yaitulah menteri-menteri kemudian daripada itu dimuafakatkan atas yang empunya kampung. Barangsiapa memperbuat dengan sendirinya jikalau biduanda-buduanda raja atau anak raja-raja sekalipun maka iaitu sangatlah salahnya kepada baginda Yang Maha Mulia kerana ia merosakkan perbuatan baginda yang Maha Mulia maka dihukum seperti hukum orang yang engkar adanya. (Surat Undang-Undang:9-10)

Petikan 1 menggambarkan tugas dan tanggungjawab para pembesar untuk memerangi kejahatan, menyebarkan kebaikan, mengajar adab dan tertib dalam kalangan masyarakat di bawah pemerintahan Sultan Muhammad Shah Zalla'llah Fil'-Alam. Contohnya, bendahara tugasnya mengatur kerajaan, manakala temenggong pula memerangi kejahatan dan melaksanakan hukuman berlandaskan hukum syariat sebagaimana yang telah ditentukan oleh kadhi yang telah dilantik. Hal ini bermakna, segala peraturan Islam yang dicatatkan menerusi Surat Undang-Undang benar-benar berlandaskan syariat Islam dan dipandu oleh mereka yang arif dan tinggi ilmu agamanya. Petikan 2 pula merupakan fasal ketujuh belas yang memerihalkan pihak yang bertanggungjawab melaksanakan tugas menghukum pesalah berdasarkan peraturan Islam. Dalam hal ini, mereka terdiri daripada para menteri yang

mempunyai tugas dan peraturan tertentu dalam perlaksanaan hukuman dan undang-undang. Kandungan fasal tersebut juga menyatakan bahawa hukuman perlu dilaksanakan oleh pihak bertanggungjawab dan tahu akan ilmu agama (kadhi). Sekiranya hukuman ke atas pesalah dilaksanakan oleh golongan yang tidak bertauliah, dibimbangi akan berlakunya ketidakadilan lalu mentakzirkan hukuman yang menyimpang daripada syariat Islam. Dengan berbuat demikian, peraturan Islam menerusi Surat Undang-Undang jelas memperlihatkan keadilan tanpa mengambil kira hal keturunan dan darjah hambanya. Dalam konteks ini, walaupun pemerintah dan rakyat terdiri daripada klasifikasi sosial yang berbeza, namun memperlihatkan keharmonian yang dihubungkan oleh ajaran serta peraturan Islam secara adil dan saksama. Setiap individu dan masyarakat mempunyai peranan dan tanggungjawabnya masing-masing sebagaimana digambarkan menerusi petikan berikut:

Syahdan maka tatkala zaman Sultan Sulaiman maka tatkala itulah muafakat beratur pula adat itu antara Yang Dipertuan Muda dan bendahara dan yang dipertuan besar maka dihimpunkanlah adat serta kanun ini beberapa fasal supaya isi negeri mengetahui perbezaan menteri dengan orang banyak dan hamba raja dengan orang luar dan perbezaan menteri dengan orang dagang adanya. (Surat Undang-Undang: 1). Situasi antara lapisan tersebut sebagaimana rajah 1 berikut:

Rajah 1: Antara Lapisan Masyarakat dalam Surat Undang-Undang





Rajah 1 memperlihatkan kedudukan stratafikasi sosial antara golongan pemerintah dan diperintah. Namun demikian, interaksi antara lapisan masyarakat berlaku secara timbal balik iaitu pemimpin, pembesar serta rakyat jelata yang dibezakan dengan ciri sosial ekonomi dan sosial budaya yang ada pada suatu masyarakat. Namun demikian, menerusi Surat Undang-Undang, setiap lapisan sosial bertindak untuk saling menjaga keharmonian dan mematuhi peraturan berlandaskan Islam. Walaupun setiap lapisan itu terdiri daripada stratifikasi sosial yang berbeza namun tidak terpisah oleh persamaan agama. Kenyataan tersebut selari dengan pendapat Sjamsidar, Soimun, Izarwisma Mardanas dan H.R. Johny Siregar (1989: 72) yang menyatakan bahawa interaksi antara lapisan adalah hubungan timbal balik antara lapisan-lapisan dalam rangka pelapisan sosial. Lapisan yang satu dianggap lebih tinggi dari lapisan yang lain; dan penilaian tinggi rendah ini didasarkan pada ciri sosial ekonomi dan sosial budaya yang ada pada suatu masyarakat. Secara sederhana, lapisan sosial terdiri dari lapisan bawah, lapisan menengah dan lapisan atas.

Ishak bin Saad (2005:47) turut menyatakan bahawa struktur pentadbiran Kerajaan Melayu Melaka di abad ke 15 dan 16 adalah bercorak feudal. Mengikut sistem ini, raja atau sultan adalah ketua negara merangkap penguasa politik atau kuasa eksekutif dalam sebuah negara berdaulat. Kedudukan dan pemerintahan di zaman kerajaan Melayu Melaka ini diperkuatkan melalui sistem pembesar. Sistem pembesar ini merupakan sistem sokongan iaitu pembesar dibekalkan dengan wibawa atau kuasa tertentu yang diberikan oleh raja dalam lingkaran bidang kuasa masing-masing berdasarkan fungsi sosial, politik, ekonomi dan pentadbiran tertentu di istana, di darat dan juga di laut serta kawasan jajahan takluk Melaka.

Syarat dan peraturan Islam dalam Surat Undang-Undang

Surat Undang-Undang mengisahkan latar masyarakat Melayu tradisional yang mengamalkan budaya Melayu beserta adat dan peraturan Islam. Surat Undang-undang menggambarkan nilai, pemikiran dan perlakuan yang terkandung

peraturan yang perlu diamalkan oleh segenap lapisan masyarakat Melayu yang beragama Islam. Sultan Muhammad Shah Zalla'llah Fil'-Alam, pemerintah negeri Melaka yang baharu sahaja memeluk Islam menginginkan agar peraturan Islam menjadi landasan dalam kehidupan seharian antara lapisan masyarakat. Perihal undang-undang dan hukuman secara Islam yang ditekankan menerusi Surat Undang-Undang sebagai kontak sosial sekunder berupaya memantapkan perilaku, adab dan memperbaiki hubungan antara lapisan masyarakat. Kenyataan tersebut sebagaimana menurut A. Hasjmy (1986:62), adapun apabila jiwa telah mantap atas jalan Islam yang kemudian dari dalamnya terpancar semangat Islam dalam bentuk karya sastera menuju cita-cita Islam, berjalan di bawah sorotan cahaya Islam, maka dalam keadaan demikian, Islam tidak memerangi dan tidak memusuhi kesusasteraan dan kesenian.

Justeru, pemaparan corak hubungan golongan pemerintah dengan yang diperintah menerusi Surat Undang-Undang jelas berbentuk kesatuan dalam keadaan setiap golongan saling memerlukan. Rakyat taat mematuhi peraturan yang dibawa oleh raja atau sultan ke arah kesejahteraan masyarakat pelbagai lapisan. Menurut Haron Daud (1988:365), dalam kalangan masyarakat Melayu tradisional, sistem pemerintahan yang bersifat naungan itu menimbulkan tanggapan dalam kalangan rakyat Melayu bahawa diri mereka hidup bukan di bawah pemerintah tetapi lebih kepada berada di dalam ‘kerajaan’ yang dipimpin oleh seseorang yang berstatus raja.

Contohnya, merujuk kepada fasal ke dua puluh dua dan fasal ke dua puluh tiga menerusi Surat Undang-Undang, digambarkan bahawa golongan pemerintah dengan yang diperintah mempunyai hubungan yang saling memerlukan. Contoh petikan:

Petikan 1:

Fasal yang kedua puluh dua pada menyatakan bahawa raja itu iaitu syariat Rasulullah Salallahhialaihiwassalam dan ibu raja itu iaitu segala menteri kecil dan besar dan anak raja itu segala rakyat dan bala tentera adanya raja itu tiada berbapa dan tiada beribu dan tiada beranak dan anak di riba diletakkan kera di hutan disusukan dan lain daripada pandang ini binasalah kerajaan kerajaan adanya

(Surat Undang-Undang: 11-12)

Petikan 2:

Fasal yang kedua puluh tiga pada menyatakan adalah yang dipertuan muda itu memangku kerajaan yang dipertuan besar serta melakukan perintah atas segala menteri adapun Bendahara timbalan yang dipertuan muda pada mengaturkan kerajaan iaitu seperti orang yang berjawatan dan mengetahui segala tuan-tuan dan sida-sida dan budianda hendak mengurniakan nama dan pangkat atas segala atau menteri dan mengajar adab dan tertib atas segala rakyat dan tentera di dalam negeri adapun temengong diperhadirkan di dalam negeri memeriksa segala orang yang benar dan orang yang salah silap menangkap dan memasung orang yang aniaya dan melakukan hukum syariat dan adat yang terpilih daripada kadhi yang telah dimusyawaratkan oleh segala menteri adapun laksamana itu mempertahankan segala kelengkapan raja dan segala kenderaan dan kenaikan dan segala senjata...

(Surat Undang-Undang: 12-13)

Berdasarkan petikan 1, pembinaan sesebuah pemerintahan yang sejahtera amat memerlukan raja yang bertanggungjawab memerintah dengan adil, saksama dan menjauhi kezaliman. Raja sebagai Khalifah di muka bumi, maka perlu melaksanakan segala syarat serta peraturan dalam sistem pemerintahan secara saksama serta berlandaskan peraturan Islam. Menurut Wan Abdul Kadir (1993: 3), kedatangan Islam serta pengaruh Islam kepada cara pemikiran dan cara hidup orang Melayu adalah suatu pembaharuan. Suatu perubahan besar berlaku kepada masyarakat Melayu dengan kedatangan Islam. Islam telah membawa perubahan besar dalam berbagai-bagai aspek hidup iaitu pemikiran yang rasional, bermulanya suatu cara pengajaran serta pengajian ilmu pengetahuan secara tersusun dan Islam membawa suatu sikap serta nilai persamaan dalam kalangan penganut.

Sehubungan itu, Sultan Muhammad Shah Zalla' llah Fil'-Alam, pemerintah negeri Melaka yang baharu sahaja memeluk Islam turut menyebarkan peraturan Islam dengan dibantu oleh para pembesar negeri. Menerusi petikan 2, raja tidak memerintah secara bersendirian kerana baginda turut dibantu oleh para pembesar yang telah ditentukan tugas masing-masing berdasarkan jawatan tertentu. Contohnya, Yang Dipertuan Muda ditugaskan memangku

kerajaan manakala Yang Dipertuan Besar pula memerintah kerajaan. Di samping itu, pemerintahan negeri juga turut dibantu oleh Bendahara yang tugasnya menasihati Yang Dipertuan Muda dalam mengatur kerajaan serta tugas melantik para pembesar dan menentukan hukum peraturan serta adat dalam kalangan rakyat jelata. Dengan perkataan lain, kedudukan dan pemerintahan raja diperkuatkan melalui sistem pembesar yang mempunyai bidang tugas masing-masing, membantu memelihara keamanan negara serta mengajar adab dan tertib berlandaskan peraturan Islam. Lantaran itu, golongan pemerintah dan para pembesar sentiasa menyeru dan meyakinkan rakyat supaya menerima Islam dan menjadikan peraturan Islam sebagai landasan dalam kehidupan. Merujuk kepada firman Allah SWT bermaksud:

“Wahai orang-orang yang beriman! Bertaqwalah kamu kepada Allah dan carilah jalan kepadaNya serta berperanglah pada jalan Allah. Mudah-mudahan kamu mendapat keuntungan”.

(Al-Maidah: 35)

Menurut Sahlan Mohd. Saman (2008:4), ingatan Allah ditujukan kepada pengarang (bukan penyair sahaja) yang beriman agar setiap kali berkarya matlamat atau natijah seseorang itu untuk mengukuhkan iktiqad dan keimanan diri serta khalayaknya. Yang diseru adalah kemakrufan, yang dihindari iaitu kemungkaran dan yang disuratkhan adalah kebenaran serta keindahan demi memperlihatkan kemahakuasaan serta segala “kemahuan” Allah SWT. Kenyataan tersebut diperkuatkan lagi dengan petikan al-Quran berikut:

“Sesungguhnya pembalasan orang-orang yang memerangi Allah dan RasulNya dan berusaha membuat binasa di muka bumi, tidak lain dari dibunu atau disalib atau dipotong tangannya dan kakinya bertimbali-balik, atau dibuang ke luar tanah airnya. Itulah suatu kehinaan buat mereka di atas dunia dan akhirat mereka akan mendapat siksa yang besar” (Al-Maidah: 33).

Justeru, kepenggarangan Surat Undang-Undang turut mempunyai matlamat untuk mengukuhkan keimanan masyarakat pembaca. Hal ini bermakna, gambaran perbuatan jenayah yang ditegah oleh hukum syarak dan hukuman berdasarkan perundangan Islam menerusi Surat Undang-Undang berupaya membentuk umat Islam yang sempurna akhlaknya. Contoh petikan:

Petikan 1:

Fasal yang ketiga belas pada menyatakan barang siapa membunuh dengan tiada setahu raja atau orang besar-besar maka salah ia yang amat besar dihukum dengan sepenuh-penuh hukuman jika lalu dengan dosanya sekalipun apalagi dengan tiada dosanya dibunuh pula ia kepada hukum Allah adil namanya.

(Surat Undang-Undang: 8)

Petikan 2:

Fasal yang keempat belas pada menyatakan yang membunuh tiada setahu raja atau orang besar-besar itu iaitu atas empat perkara

Pertama-tama membunuh madunya yang kedapatan pada tempat yang patut. Kedua membunuh orang-orang yang engkar iaitu orang yang melalui amar dan nahi dan melalui adat dan kanun yang sudah diletakkan pada negeri. Ketiga membunuh orang yang mengamuk. Keempat membunuh orang yang memberi aib orang pada majlis atau pada hadapan segala khalayak seperti menggerjah dan menampar orang maka segala yang tersebut itu maka tiadalah berkehendak dengan setahu raja atau menteri. Syahdan apabila ditangkapnya segala orang yang tersebut itu, maka tiada boleh ia membunuh sendiri maka hendaklah dibawanya kepada hakim apabila dibunuohnya juga orang yang tertangkap itu tiada dengan setahu hakim maka sangatlah salahnya dengan sepenuh-penuh hukuman adanya.

(Surat Undang-Undang: 8-9)

Dalam hal ini, Surat Undang-Undang merupakan perantara untuk menyampaikan mesej kepada masyarakat pada zaman itu. Petikan 1 dan 2 jelas memperlihatkan perbuatan yang ditegah dan bersalahan seperti membunuh. Perbuatan membunuh itu amat keji dan hukumannya pula ditentukan dengan sekeras-keras hukuman berlandaskan peraturan Islam. Petikan 2 memperlihatkan perbuatan membunuh tanpa pengetahuan raja dan para pembesar terdiri daripada empat perkara. Antaranya, membunuh madunya pada tempat yang patut, membunuh mereka yang engkar kepada peraturan Islam, membunuh orang mengamuk dan membunuh orang yang memberi aib orang di hadapan khalayak. Namun demikian, turut dicatatkan bahawa setelah tertangkapnya orang yang melakukan kesalahan

membunuh tersebut, mereka dibawa ke muka pengadilan dan diadili oleh hakim yang mengadilinya berlandaskan syariat Islam.

Justeru, Surat Undang-Undang turut membawa panduan dalam kalangan masyarakat Melayu yang beragama Islam agar menjaga keperibadian dan akhlak serta menjauhi perbuatan mungkar. Contohnya, fasal lima belas Surat Undang-Undang turut mencatatkan larangan sikap suka mencuri yang bersalahan dari aspek peraturan Islam dan hukumannya berpandu kepada perundangan Islam. Contoh petikan:

Fasal yang kelima belas pada menyatakan orang yang mencuri di dalam kampung halaman orang itu jika malam maka ditikam oleh orang yang ampunya kampung atau rumah iaitu mati sahaja jika ditusuk pada antara dua kampung sekali pun tiada dalam salah atas yang ampunya kampung itu...

(Surat Undang-Undang: 9)

Menurut Haron Din (2007:115-116), hukuman memotong tangan pencuri merupakan undang-undang Allah. Manusia diperintah untuk mematuhi undang-undang itu. Oleh kerana Allah menjadikan manusia, maka Allah mengetahui tabiat manusia. Bagi kebaikan manusia seluruhnya maka hukuman potong tangan itu disyariatkan. Kesalahan perbuatan mencuri turut diperkuuhkan menurut firman Allah SWT bermaksud:

“Orang laki-laki pencuri dan perempuan pencuri hendaklah dipotong tangan keduanya selaku pembalasan atas pekerjaan keduanya dan siksaan daripada Allah. Allah Maha berkebesaran lagi bijaksana”. (Surah al-Maidah: 38)

Selain itu, Surat Undang-Undang turut menitikberatkan larangan perbuatan keji seperti zina dalam kalangan masyarakat Melayu yang beragama Islam. Perbuatan zina tergolong dalam perbuatan dosa besar dan terdapat pelbagai faktor yang mendorong berlakukan perbuatan tersebut. Namun demikian, pada asasnya perbuatan zina itu berlaku disebabkan oleh manusia yang goyah iman dan rendah moralnya. Hukuman kepada penzina berdasarkan perundangan Islam turut diperlihatkan menerusi Surat Undang-Undang. Justeru, Surat Undang-Undang sebagai kontak sosial sekunder dapat memberi panduan dan teladan dalam kalangan masyarakat pembaca. Contoh petikan:

Fasal yang kedelapan belas pada menyatakan orang yang bermukah dengan isteri orang kedapatan orang itu oleh lelaki maka dibunuhnya maka tiada suatu apa yang perempuan itu pun mati juga...

...seperti di dalam kelambu atau bertemu pada tempat sunyi sama seseorang pada orang tiada kebiasaan yang demikian itu atau ikrarnya seperti katanya hamba bermukah dengan isteri si anu adanya.

(Surat Undang-Undang: 10)

Petikan tersebut memperlihatkan perbuatan yang dilarang seperti zina dan hukumannya adalah berlandas kepada peraturan Islam. Hukuman bunuh yang dijatuhi ke atas pesalah memperingatkan pelbagai lapisan masyarakat agar tidak menghampiri dan terperangkap dengan perbuatan dan dosa zina. Larangan menjauhi perbuatan keji tersebut turut diperintahkan dalam ayat suci al-Quran. Firman Allah SWT bermaksud:

"Dan janganlah kamu mendekati zina, sesungguhnya zina itu adalah suatu perbuatan yang keji, dan suatu jalan yang buruk" (Al-Isrâ: 32).

"Perempuan yang berzina dan lelaki yang berzina, hendaklah kamu sebat tiap-tiap seorang dari keduanya seratus kali sebat; dan janganlah kamu dipengaruhi oleh perasaan belas kasihan terhadap keduanya dalam menjalankan hukum ugama Allah, jika benar kamu beriman kepada Allah dan hari akhirat; dan hendaklah disaksikan hukuman seksa yang dikenakan kepada mereka itu oleh sekumpulan dari orang-orang yang beriman" (Surah al-Nur: 2).

Kesimpulan

Al-Quran sebagai kitab petunjuk perlu dijadikan panduan oleh umat Islam. Oleh hal yang demikian, setiap umat Islam akan sentiasa mematuhi akan suruhan dan meninggalkan laranganNya. Surat Undang-Undang termuat dua puluh empat fasal merupakan perantara yang menggambarkan interaksi sosial dan peraturan Islam yang bermanfaat dalam kalangan masyarakat pembaca. Di samping itu, Surat Undang-Undang turut memperlihatkan hubungan antara individu, antara kelompok, mahu pun antara kelompok dengan individu. Justeru, Surat Undang-Undang berupaya dijadikan teladan kepada segenap lapisan masyarakat masa lalu, masa kini dan masa akan

datang. Kandungannya sarat dengan pelbagai peraturan yang dapat selari dengan ayat-ayat suci al-Quran serta memuatkan pelbagai pesanan dan peraturan. Sehubungan itu, Surat Undang-Undang mempunyai pelbagai pelajaran sebagai panduan kepada antara lapisan masyarakat agar mengamalkan amar ma'ruf nahi mungkar (menyuruh kepada yang makruf dan mencegah yang mungkar). Jelas bahawa, peraturan berlandaskan perundangan Islam ditintahkan menerusi Surat Undang-Undang sebagai peringatan kepada masyarakat antara lapisan. Perbuatan keji serta bersalah itu tetap akan diadili malah tidak akan terlepas daripada hukuman di dunia maupun di akhirat.

Surat Undang-Undang amat bersesuaian dengan kontak sosial masyarakat Melayu tradisional pada zaman ia dikarang. Pemerintah yang baru memeluk agama Islam tentunya akan membawa rakyatnya kepada ajaran agama Islam dan mematuhi segala perintah dan larangan bersandar kepada al-Quran dan hadis. Agama adalah dasar keyakinan dan keperibadian setiap individu dan seiring dengan kepercayaan mengenai sesuatu yang mengatur kehidupan manusia serta isi alam semesta. Menerusi Surat Undang-Undang, golongan tertinggi adalah raja yang mempunyai pengaruh yang amat kukuh dalam kalangan masyarakat. Justeru, segala peraturan yang ditetapkan oleh pemerintah itu akan dipatuhi oleh rakyat jelata. Fenomena tersebut menggambarkan kontak sosial masyarakat pada zaman tradisional dan kemudiannya diperturunkan kepada generasi kemudian sebagai pelajaran, panduan dan teladan dalam dunia nyata.

Sehubungan itu, interaksi sosial antara lapisan masyarakat menerusi Surat Undang-Undang berupaya memperlihatkan nilai ibadah serta penyebaran nilai-nilai positif dalam diri. Pada akhirnya, interaksi sosial berupaya membangun semangat keimanan dalam mengajak manusia menuju ke jalan yang direhdai Allah SWT. Segala panduan dan pelajaran yang terkandung di dalam Surat Undang-Undang berupaya melempaskan rasa kasih sayang, menyemai hal-hal kebaikan serta persaudaraan sehingga meningkatkan kualiti perhambaan kepada Alah SWT. Penetapan undang-undang berteraskan perundangan Islam menerusi Surat Undang-Undang berupaya membawa manusia agar menjauhi perbuatan keji seperti

membunuh, mencuri, zina dan perbuatan lainnya yang dilarang dalam agama Islam. Persoalan yang disuguhkan menerusi Surat Undang-Undang menyemai nilai ibadah dalam kalangan masyarakat yang pada akhirnya berupaya membangun kerohanian umat Islam. Secara tuntas, Surat Undang-Undang jelas memperlihatkan proses interaksi sosial, menekankan unsur pelajaran iaitu menyeru kebaikan dan meninggalkan laranganNya. Firman Allah bermaksud:

“Wahai orang-orang yang beriman! Jagalah dirimu! Tiadalah membahayakan kepadamu orang yang telah sesat itu, bila kamu sudah dapat petunjuk. Kepada Allah tempat kamu semuanya kembali nanti; maka dinyatakanNya kepadamu apa-apa yang sudah kamu kerjakan” (Al-Maidah: 105).

Penghargaan

Makalah ini merupakan sebahagian daripada kajian penyelidikan program Post-Doktoral penulis mengenai Interaksi Sosial dalam manuskrip Melayu di Institute For Asian Studies (IIAS), Leiden University dari 1 November 2014 hingga November 2016. Penulis ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Universiti Putra Malaysia dan Kementerian Pendidikan Malaysia atas pembiayaan program Post-Doktoral ini. Penulis juga ingin mengucapkan penghargaan kepada penyelia program Post-Doktoral ini, Dr Aone Van Engelenhoven, Dr Philippe Peycam, Pengarah Institute For Asian Studies (IIAS), Dr Willem Vogelsang, Pengurus Institut For Asian Studies (IIAS) atas penerimaan penulis sebagai Affiliated Fellow di IIAS, University of Leiden, Leiden, The Netherlands.

Rujukan

Manuskrip

Perpustakaan Universiti Leiden, Cod.Or. 3376.

Buku/Artikel

Abd. Jalil Borham. (2002). Pengantar Perundungan Islam. Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia.

Abdul Syukur Ibrahim dan Lilik Wahyuni. (2010). “Interaksi sosial dalam Ekspresi Bahasa Jender Kajian Harmoni Sosial dalam Perspektif Hermeneutika” dalam Laporan Penelitian Tahap II Hibah Penelitian Strategis Nasional; November.

A.Hasjmy. (1986). “Sastera dan Agama” dlm Prof Datuk Ismail Hussein (Peny). Sastera dan Agama. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Amir Luthfi. (1986). Agama dan Interaksi Sosial Antar Kelompok Etnik : Studi Kasus Kotamadya Pekanbaru. Pekanbaru: Penerbit Bumipustaka.

Budiono.MA.(2005). Kamus Ilmiah Popular Internasional. Jakarta: Alumni Surabaya.

Ding Choo Ming. (2003). Kajian Manuskrip Melayu Masalah Kritikan dan Cadangan. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.

E.P. Wieringa. (2007). Catalogue of Malay and Minangkabau Manuscripts in the Library of Leiden

University and Other Collections in the Netherlands in Volume Two Comprising The H.N. Van Der Tuuk Bequest by the Leiden University Library in 1896. Leiden University Library: Legatum Warnerianum.

Haron Daud. (1988). “Pembinaan Negara Bangsa Bersumberkan Karya Melayu Klasik: Satu Pandangan” dlm Nik Shuhaimi Nik Abd. Rahman, Mohd. Bin Shamsuddin dan Kamaruzaman Mohd. Yusof (Peny). Sejarah dan Proses Pemanfaatan Negara-bangsa. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.

Haron Din.(2007). Islam Keadilan Membebaskan Manusia. Kuala Lumpur: PTS Millennia Sdn. Bhd.

Herimanto dan Winarno.(2009). Ilmu Sosial Budaya Pasar. Jakarta: Bumi Aksara.

Al-Quran-ul-Hakim Beserta Terjemah dan Tafsirnya.(1964). H.M. Kasim Bakry, Imam M.Nur Idris, A.Dt.Madjindo (peny). Jakarta: Penerbit Djambatan.

Ishak bin Saat. (2005). Sejarah Sosial Masyarakat Malaysia. Shah Alam: Karisma Publications Sdn Bhd.

Ismail Hussein.(1974). The Study of Traditional Malay Literature With a Selected Bibliography. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Mahadzir Mohd. Khir. (1997). "Proses Transformasi Politik Malaysia; Dari Raja ke Rakyat" dlm Norazit Selat , Hashim Awang dan Nor Hashim Osman (Peny). Meniti Zaman : Masyarakat Melayu Antara Tradisi dan Moden. Kuala Lumpur: Akademik Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Ismail Hussein.(1977). "Kedudukan Kesuasteraan dalam Sistem Pelajaran Malaysia Ditinjau dari Sudut Kesuasteraan Kebangsaan dan Sistem Pendidikan Malaysia" dlm Mohd Taib Osman (Peny). Pengajaran Bahasa dan Kesuasteraan Melayu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ismail Noor dan Muhammad Azaham.(2000). Takkun Melayu Hilang di Dunia. Subang Jaya: Pelanduk Publications.
- Kamus Dewan. (1993). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mahadzir Mohd. Khir. (1997). "Proses Transformasi Politik Malaysia; Dari Raja ke Rakyat" dlm Norazit Selat , Hashim Awang dan Nor Hashim Osman (Peny). Meniti Zaman : Masyarakat Melayu Antara Tradisi dan Moden. Kuala Lumpur: Akademik Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Milner A.C. (1882). Kerajaan: A Malay Political Culture On the Eve of Colonial Rule. Tucson: University of Arizona Press.
- Roslina Abu Bakar. (2015). Interaksi Sosial dalam Penyampaian Cerita Rakyat Melayu. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Sahlan Mohd. Saman.(2008). "Pengkaedahan Melayu-Islam dalam Kritikan Sastera". Jurnal Melayu. 3:77-99.
- Sjamsidar, Soimun, Izarwisma Mardanas, H.R. Johny Siregar. (1989). Perkembangan Interaksi Sosial Budaya di Daerah Pasar Pada Masyarakat Pendesaan di Daerah Jawa Timur.Poppy Savitri (Peny). Jakarta: Departemen Pendidikan dan Kebudayaan.
- Soerjono Soekanto.(1982). Sosiologi Suatu Pengantar. Jakarta: Rajawali.
- Supriadi. (1993). "Aspek Sosial Budaya dalam Kehidupan Organisasi Sosial Pemuda" dlm Interaksi Sosial Budaya di Jabotabek: Studi Kasus Pada Beberapa Wilayah. Jakarta: Pusat Penelitian dan Pengembangan Kemasyarakatan dan Kebudayaan Lembaga Ilmu Pengetahuan Indonesia (PMB-LIPI).
- Umar Junus. (1988). "Karya Sastera Adalah Fenomena Sosial" dlm Hamzah Hamdani (Peny). Konsep dan Pendekatan Sastera. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wan Abdul Kadir. (1993). Struktur dan Organisasi Masyarakat dan Budaya Melayu. Petaling Jaya: Masfami Enterprise.